

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan wang di kawasan P.196 Stampin yang boleh dimobilisasikan oleh Ahli Parlimen Stampin bagi tujuan membuat kerja kawasan. Secara terperinci, senaraikan penggunaan peruntukan tersebut serta bagaimana Ahli Parlimen Stampin boleh membuat permohonan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada peruntukan khusus yang boleh dimobilisasikan oleh Ahli Parlimen Stampin bagi tujuan membuat kerja kawasan. Untuk sebarang cadangan program atau projek bolehlah dikemukakan ke Pejabat Residen selaku agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras permohonan dan pertimbangan kelulusan bagi program atau projek adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada mengikut keutamaan, keperluan dan kesesuaian.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
SOALAN :**

YB DATO TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan terdapat berapakah doktor pakar yang sedang berkhidmat di Hospital Sarikei dan berapakah pegawai perubatan (dokter) yang bertugas di Klinik Kesihatan di Bintagor. Bilakah Kerajaan Pusat akan memulakan projek peningkatan dan pembesaran Klinik Kesihatan Bintagor memandangkan pesakit-pesakit yang memerlukan perubatan semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Sarikei merupakan Hospital Daerah Pakar Minor dengan bilangan katil sebanyak 212 buah. Pada tahun 2013, kadar penggunaan katil (BOR) di Hospital Sarikei adalah 46.29 peratus. Sehingga 30 Jun 2014, seramai 44 orang Pegawai Perubatan sedang berkhidmat di Hospital Sarikei dengan peratus pengisian adalah sebanyak 68.8 peratus. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 11 orang Pegawai Perubatan Pakar yang sedang berkhidmat di Hospital Sarikei. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat juga, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 3 orang Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di Klinik Kesihatan Bintagor.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Bintagor merupakan klinik kesihatan jenis 4 dan telah mula beroperasi sejak tahun 1976 dengan purata kedatangan pesakit antara 250 hingga 350 orang sehari. Klinik ini menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada 33,600 orang penduduk dalam kawasan operasinya. Perkhidmatan kesihatan profesional daripada seorang Pakar Perubatan Keluarga dan 2 orang Pegawai Perubatan turut disediakan.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan keadaan pesakit yang semakin bertambah di klinik kesihatan tersebut. KKM sedang mengenal pasti tapak yang sesuai untuk dibangunkan. Cadangan perolehan tanah akan dikemukakan dalam RMK 11 nanti.